

قسوروحجاي باغونن كوالا لومفور

PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (17)DBKL/JPPH/COBADMIN/21 Jld 13

Tarikh : 17 Februari 2020

PEKELILING COBKL 2020/01

Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama (JMB)/

Perbadanan Pengurusan (MC)/

Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

ARAHAN PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN STANDARD MALAYSIA MS IEC 62305 'PROTECTION LIGHTNING' BAGI SISTEM PERLINDUNGAN KILAT BANGUNAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB) telah menerima arahan pemakluman daripada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berhubung dengan peruntukan di bawah seksyen 47, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akat 447] dimana Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menetapkan bahawa reka bentuk, pemasangan, penyeliaan, pengujian, pengoperasian dan penyenggaraan Sistem Perlindungan Kilat di bangunan hendaklah dibuat berdasarkan Standard Malaysia MS IEC 62305 – *Protection Against Lightning*.

3. Oleh yang demikian, bersama-sama dengan ini disertakan satu salinan surat daripada ST dengan nombor pendaftaran ST(IP/JKE)PE/16/14/2(1) mengenai arahan tersebut untuk tindakan lanjut pihak pengurusan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

...2/-

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"**

Saya yang menjalankan amanah,




(DATUK HJ. MUSTAFA BIN MOHD NOR)

Pengarah Eksekutif (Pengurusan)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merangkap

Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur



Ruj.Tuan :
Ruj.Kami : ST (IP/JKE) PE/ 16/ 14/ 2 (1)
Tarikh : 3 Januari 2020

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN 1

Y.Bhg Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENGUATKUASAAN PEMAKAIAN STANDARD MALAYSIA MS IEC 62305 'PROTECTION AGAINST LIGHTNING' BAGI SISTEM PERLINDUNGAN KILAT DI BANGUNAN

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 47, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Suruhanjaya Tenaga (ST) dengan ini menetapkan bahawa reka bentuk, pemasangan, penyeliaan, pengujian, pengoperasian dan penyenggaraan Sistem Perlindungan Kilat di bangunan hendaklah dibuat berdasarkan Standard Malaysia MS IEC 62305 - *Protection Against Lightning*.
3. Sehubungan dengan itu, ST dengan ini mengeluarkan Arahan dengan nombor pendaftaran Arahan/ST/No.4/2019 pada Lampiran 2 mengenai Penguatkuasaan Pemakaian Standard Malaysia MS IEC 62305 – *Protection Against Lightning* bagi Sistem Perlindungan Kilat di bangunan kepada semua Orang Kompeten, Kontraktor Perkhidmatan Elektrik, Kontraktor Elektrik, juruperunding, pemunya atau pengurusan bangunan untuk pematuhan kepada Arahan tersebut.
4. Adalah diingatkan bahawa, seseorang yang didapati gagal mematuhi Arahan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 50E, Akta 447.

5. Arahan ini akan terpakai dan berkuatkuasa mengikut jadual berikut:

No.	Peringkat	Tarikh
1.	Bangunan dalam proses perancangan dan pembangunan baru (<i>new development</i>)	1 Januari 2020
2.	Bangunan dalam proses pembinaan	1 Januari 2021
3.	Bangunan sedia ada	Kategori
	3.1 Hospital, institusi pengajian tinggi (IPT), bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, bangunan kediaman kondominium, bangunan kediaman apartmen dan lapangan terbang	1 Januari 2021
	3.2 Bangunan kediaman flat, sekolah dan bangunan kerajaan	1 Januari 2022
	3.3 Bangunan kediaman atas tanah (selain daripada kategori dinyatakan pada perkara 3.1 dan 3.2)	1 Januari 2023
4.	Bangunan selain daripada kategori di atas	Akan ditetapkan oleh Suruhanjaya dari masa ke masa

6. Adalah dimaklumkan bahawa, Suruhanjaya boleh mengubah, meminda atau membatalkan Arahan ini pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.



(Ir. Hj. MD ZAKUAN BIN Hj. IBRAHIM)

Pengarah

Jabatan Kawal Selia Keselamatan

Suruhanjaya Tenaga ~~SA~~



**AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990
[AKTA 447]**

ARAHAN SURUHANJAYA TENAGA BILANGAN 4 TAHUN 2019

Arahan/ST/No. 4/2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 50C(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Suruhanjaya mengeluarkan arahan berikut:

Nama dan tarikh mula berkuatkuasa

1. Arahan ini bolehlah dinamakan Arahan Penguatkuasaan Pemakaian Standard Malaysia MS IEC 62305 – *Protection Against Lightning* Bagi Sistem Perlindungan Kilat Di Bangunan.
2. Arahan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan.
3. Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, maka Pekeliling Bilangan 3/2011 Mengenai Penetapan Kaedah Pemasangan Sistem Perlindungan Kilat Di Bangunan-Bangunan, bertarikh 1 September 2011 adalah ditarik balik dan terbatal.

Pemakaian

4. Arahan ini hendaklah terpakai ke atas semua pemasangan Sistem Perlindungan Kilat di bangunan mulai tarikh Arahan ini dikuatkuasakan.
5. Arahan ini hendaklah digunapakai oleh semua Orang Kompeten, Kontraktor Perkhidmatan Elektrik, Kontraktor Elektrik, juruperunding, pemunya atau pengurusan bangunan di peringkat reka bentuk, pemasangan, penyeliaan, pengujian, pengoperasian dan penyenggaraan pemasangan Sistem Perlindungan Kilat.

Tafsiran

6. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

“Akta” bermaksud Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan Peraturan-Peraturan yang dipinda di bawahnya dari semasa ke semasa.

7. Tujuan Arahan ini dikeluarkan adalah untuk menguatkuasakan pematuhan kepada kaedah reka bentuk, memasang, menyelia, menguji, mengoperasi dan menyenggara Sistem Perlindungan Kilat mengikut Standard Malaysia MS IEC 62305 *Protection Against Lightning* kepada pihak industri dan awam. Standard ini meliputi bahagian-bahagian seperti berikut:

MS IEC 62305-1:2007 – *General principles*

MS IEC 62305-2:2007 – *Risk management*

MS IEC 62305-3:2007 – *Physical damage to structures and life hazard*

MS IEC 62305-4:2007 – *Electrical and electronic systems within structures*

8. Seksyen 47, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] mengenai langkah awasan terhadap elektrik atmosfera memperuntukkan:

"Mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana pengguna lain yang mengambil atau menggunakan elektrik daripada mana-mana pemasangan hendaklah, jika Suruhanjaya menghendaki sedemikian, memperuntukkan apa-apa kaedah bagi menghindarkan apa-apa risiko kerosakan kepada pemasangan itu melalui elektrik atmosfera sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya atau sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan di bawah Akta ini."

9. Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 47, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447], Suruhanjaya dengan ini menetapkan bahawa reka bentuk, pemasangan, penyeliaan, pengujian, pengoperasian dan penyenggaraan alat perlindungan kilat di bangunan-bangunan hendaklah dibuat mengikut kaedah sistem perlindungan kilat yang ditetapkan oleh Standard Malaysia MS IEC 62305 - *Protection Against Lightning*.

Penguatkuasaan

10. Arahan ini akan terpakai kepada bangunan dalam proses perancangan dan pembangunan bangunan baru (*new development*) bermula dari tarikh Arahan ini didaftarkan.
11. Bagi bangunan dalam proses pembinaan, Arahan ini akan terpakai dan bermula pada 1 Januari 2021.
12. Bagi bangunan sedia ada, Arahan ini akan terpakai dan bermula seperti berikut:
 - 12.1 pada 1 Januari 2021 bagi bangunan seperti hospital, institusi pengajian tinggi (IPT), bangunan perniagaan, bangunan perindustrian, bangunan kediaman kondominium, bangunan kediaman apartmen, dan lapangan terbang;
 - 12.2 pada 1 Januari 2022 bagi bangunan seperti bangunan kediaman flat, sekolah dan bangunan kerajaan;
 - 12.3 pada 1 Januari 2023 bagi bangunan kediaman atas tanah (selain bangunan kediaman yang dinyatakan pada perkara 12.1 dan 12.2).
13. Bagi bangunan selain daripada kategori bangunan yang disenaraikan pada perkara 10, 11 dan 12, Arahan ini akan terpakai dan bermula pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Kesalahan

14. Adalah diingatkan bahawa, seseorang yang didapati gagal mematuhi Arahan Suruhanjaya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 50B, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

Pindaan

15. Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa mengubah, meminda dan membatalkan Arahan ini.

Tarikh Daftar: 1 JANUARI 2020



**Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga**